

05 JUN 2000

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Umno, petang ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra.

Mesyuarat yang bermula pukul 2.45 petang itu merupakan mesyuarat pertama MT selepas perhimpunan agung parti bulan lepas.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selakau Timbalan Presiden serta tiga Naib Presiden Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Ketua Pergerakan Wanita Datuk Seri Rafidah Aziz juga hadir.

Pada mesyuarat kali ini, Dr Mahathir dijangka mengumumkan pelantikan 10 anggota MT yang mempunyai 25 anggota yang dipilih.

Selain itu, mesyuarat juga dijangka membincangkan persiapan Umno dalam menghadapi pilihan raya kecil Teluk Kemang pada 10 Jun ini.

-- BERNAMA

ARA NMO